

**FIQH WATAN DAN IDENTITI KEISLAMAN MASYARAKAT
MELAYU PAHANG: SUATU KAJIAN BERASASKAN
KEARIFAN TEMPATAN**

***WATANIC JURISPRUDENCE AND THE ISLAMIC IDENTITY OF THE
MALAY SOCIETY IN PAHANG: A STUDY BASED ON LOCAL WISDOM***

Mohd Anuar Ramli¹, Ariyanti Mustapha², Annuar Ramadhon Kasa³, Muhd Imran Abd Razak⁴, Paiz Hassan⁵, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin⁶ & Muhammad Yusri Yusof @ Salleh^{7*}

¹ Jabatan Fiqh-Usul dan Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (E-mail: mohdanuar@um.edu.my)

² Jabatan Fiqh-Usul dan Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (E-mail: ariyanti@um.edu.my)

³ Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (E-mail: annuarramadhonkasa@gmail.com)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: imranrazak@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: paiz4186@uitm.edu.my)

⁶ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: mohdz560@uitm.edu.my)

^{7*} Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

**corresponding author*

Article history

Received date : 1-9-2025
Revised date : 10-9-2025
Accepted date : 20-10-2025
Published date : 30-11-2025

To cite this document:

Ramli, M.A., Mustapha, A., Kasa, A. R., Abd Razak, M. I., Hassan, P., Abidin, M. Z. H.Z. & Salleh, M.Y.Y. (2025). Fiqh Watan dan identiti keislaman masyarakat Melayu Pahang: Suatu kajian berasaskan kearifan tempatan. *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 1(1), 1-16.

Abstrak: Kajian ini membincangkan hubungan antara Fiqh Watan dan pembentukan identiti keislaman masyarakat Melayu Pahang melalui kerangka kearifan tempatan. Latar belakang kajian berasaskan keperluan memahami Islam secara kontekstual dalam realiti sosial dan budaya masyarakat Melayu yang kaya dengan adat serta nilai kemanusiaan. Fenomena pertembungan antara adat tradisi dan tuntutan syariah menuntut satu pendekatan

fiqh yang berasaskan realiti. Justeru, kajian ini menfokuskan terhadap analisis elemen kearifan tempatan dalam adat resam setempat dalam kerangka Fiqh Watan untuk memperkukuh identiti keislaman dan perpaduan masyarakat Melayu Pahang. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen dan temubual. Data diperoleh melalui temubual dan penelitian terhadap literatur tentang amalan masyarakat Pahang yang berkaitan dengan adat kelahiran, perkahwinan, kematian, amalan setempat berkaitan sambutan bulan kebesaran dan perayaan. Analisis data dilakukan secara analisis kandungan dan tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen kearifan tempatan dalam adat resam masyarakat Pahang dapat memperkukuhkan gagasan Fiqh Watan dan mampu menonjolkan nilai positif dalam adat resam seperti semangat muafakat, kerjasama, dan kolektif.

Kata kunci: *Adat; Fiqh setempat; Kearifan tempatan; Melayu*

Abstract: *This study discusses the relationship between watanic jurisprudence and the formation of Islamic identity among the Malay community of Pahang through the framework of local wisdom. The background of the study is based on the need to understand Islam contextually within the social and cultural reality of the Malay society, which is rich in customs and human values. The phenomenon of the interaction between traditional customs and the demands of the shariah calls for a fiqh approach grounded in reality. Therefore, this study focuses on analysing elements of local wisdom in local customs within the framework of watanic jurisprudence to strengthen the Islamic identity and unity of the Malay community in Pahang. In terms of methodology, the study adopts a qualitative approach involving document analysis and interviews. Data were collected through interviews and an examination of literature on the practices of the Pahang community related to customs surrounding birth, marriage, death, and local traditions associated with the celebration of sacred months and festivals. Data analysis was conducted through content and thematic analysis. The findings indicate that elements of local wisdom in the customs of the Pahang community can reinforce the concept of Fiqh Watan and highlight positive values in their traditions, such as the spirit of consensus, cooperation, and collectivity.*

Keywords: *Custom; Local fiqh; Local wisdom; Malay*

PENDAHULUAN

Kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia tidak dapat dipisahkan daripada keindahan adat, bahasa dan nilai spiritual yang berakar dalam sejarah panjang tamadun Islam di rantau Alam Melayu (Meerangani et al., 2025). Islam yang tersebar di rantau ini bukan hasil asimilasi paksa tetapi terjalin melalui proses penyesuaian budaya yang halus dan berhemah. Islam datang bukan untuk menghapuskan adat setempat tetapi untuk menapis dan memperindahkannya agar selari dengan tuntutan syariah (Huda & Magfurrahman, 2025). Inilah menjadi asas kepada gagasan *Fiqh Watan*, iaitu suatu pendekatan fiqh yang berpaksikan realiti tanah air yang memahami konteks geografi, adat resam, budaya dan sosial masyarakat sebagai unsur penting dalam realisasi hukum Islam. Dalam konteks negeri Pahang, ia bersumberkan kearifan tempatan masyarakat Melayu dan ia menjadi cerminan keutuhan jati diri yang berteraskan nilai agama dan moral (Kamil et al., 2025). Pelbagai adat resam seperti upacara kelahiran, perkahwinan, kematian, amalan menyambut bulan Islam dan perayaan serta amalan sosial seperti gotong-royong dan kenduri kendara mencerminkan semangat kolektif, kesyukuran, serta penghormatan

terhadap kehidupan (Sah et al, 2025). Walaupun adat-adat ini diwarisi daripada nenek moyang yang hidup sebelum kedatangan Islam, banyak di antaranya telah diislamisasikan dan diberi makna baharu selaras dengan prinsip syariah (Sulistiawati et al., 2025). Dalam hal ini, *Fiqh Watan* berperanan dalam memaknai adat resam setempat selari dengan neraca hukum yang mempertimbangkan kebiasaan (*'urf*), masalah dan objektif syariah (*maqasid*), bukan semata-mata berdasarkan pemahaman literal teks hukum (Azman et al., 2025).

Namun begitu dalam arus pemodenan dan globalisasi yang pesat, elemen kearifan tempatan yang menjadi asas kepada pembentukan adat resam ini semakin terpinggir. Akibatnya, ada kalangan yang gagal faham dan menganggap adat sebagai penghalang kemajuan, dan sekelompok yang lain pula ada yang mengamalkan adat tanpa pengetahuan tentang batasan syarak (Abdullah et al., 2025). Fenomena ini menyebabkan wujudnya jurang kefahaman antara adat dan agama, sekali gus menimbulkan persoalan besar tentang bagaimana identiti keislaman masyarakat Melayu Pahang dapat terus diperkukuh tanpa menafikan akar budayanya. Justeru, penyelidikan terhadap hubungan antara *Fiqh Watan* dan kearifan tempatan amat penting bagi menjelaskan bagaimana Islam dapat berinteraksi dengan adat resam. Pendekatan *Fiqh Watan* memperlihatkan bahawa hukum Islam bersifat dinamik dan mampu berinteraksi dengan perubahan tempat dan zaman tanpa menjejaskan prinsipnya. Ia berpaksikan kaedah klasik seperti *al-'adah muhakkamah* (adat boleh menjadi hukum), *istislah* (pertimbangan kemaslahatan) dan *taghayyur al-fatwa bi taghayyur al-zaman wa al-makan* (fatwa berubah mengikut masa dan tempat). Melalui kerangka ini, nilai-nilai kearifan tempatan masyarakat Pahang dapat dihargai sebagai sebahagian daripada manifestasi Islam yang hidup dalam konteks tempatan.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menelusuri hubungan antara *Fiqh Watan* dan identiti keislaman masyarakat Melayu Pahang melalui penelitian terhadap kearifan tempatan. Perbincangan ini menyoroti bagaimana adat resam bukan sahaja berfungsi sebagai warisan tetapi juga sebagai instrumen sosialisasi ajaran Islam, instrumen dakwah dan pendidikan yang dapat memperkukuh kefahaman Islam yang *rahmah*, *syumul*, dan berteraskan *maqasid syariah*. Dalam jangka panjang, usaha ini diharap dapat menjadi asas kepada pembinaan *Korpus Fiqh Watan Pahang* yang sistematik.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Fiqh Watan dalam Konteks Kontemporari

Istilah *Fiqh Watan* berasal daripada dua perkataan Arab iaitu *fiqh* yang dari segi bahasanya bermaksud kefahaman dan *watan* yang bererti tanah air atau konteks setempat. Secara konseptual, menurut Kamil et al. (2025), ia merupakan fiqh kenegaraan yang menekankan hubungan antara prinsip-prinsip syariah dengan realiti lokal sesebuah masyarakat. Dengan istilah mudah ia merujuk kepada kefahaman tentang cara bertanah air. Dalam perspektif hukum Islam, *Fiqh Watan* membawa maksud memahami cara bertanah air dalam kerangka hukum Islam dengan mengambil kira realiti sosio-budaya dan geografi sesebuah masyarakat khususnya dalam proses sosialisasi syariat Islam. Konsep ini berkait rapat dengan pandangan fuqaha klasik seperti al-Qarafi (1994) tentang kepentingan memahami adat dan uruf masyarakat dalam penetapan hukum Islam. Beliau menegaskan bahawa hukum boleh berubah berdasarkan adat dan uruf masyarakat (*taghayyur al-fatwa 'inda taghayyur al-'urf*). Ia terbukti apabila Ibn Shad (1994) menghuraikan kaedah tersebut dengan:

وَمَا قَالَهُ مِنْ لَزُومٍ تَغْيِيرِ الْفَتَوَى عِنْدَ تَغْيِيرِ الْعُرْفِ صَحِيحٌ وَاللَّهُ أَعْلَمُ

Maksudnya: Dan apa yang dikata tentangnya daripada sebab perubahan fatwa ketika berubahnya uruf adalah perkara yang benar.

Prinsip ini juga disokong oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1998) dalam karya *I'lam al-Muwaqqi'in*, yang menekankan bahawa fatwa yang tidak mengambil kira keadaan masyarakat akan membawa kepada kekeliruan dan kezaliman. Pendekatan ini seiring dengan semangat *Fiqh Watan* kerana ia mengiktiraf kepelbagaian adat dan budaya sebagai sebahagian daripada kekayaan manusiawi yang diiktiraf Islam. Di Malaysia, idea ini mula mendapat perhatian melalui usaha ilmiah sarjana seperti Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1997) yang menegaskan bahawa fiqh di Alam Melayu perlu berasaskan budaya, sejarah dan nilai masyarakat tempatan, bukan semata-mata mengimport pendekatan hukum dari Timur Tengah secara literal. Gagasan yang diperkenalkan dinamakan Fiqh Malaysia (Man et al., 2011).

Oleh itu, *Fiqh Watan* bukan bermaksud mengubah hukum, tetapi mengatur kehidupan bertanah air bagi masyarakat terutamanya dalam proses sosialisasi syariat Islam dalam adat resam tempatan di Pahang di samping menyesuaikan penerapan hukum Islam agar bersifat relevan, adil dan berkesan (Kamil et al, 2025). Dalam konteks Pahang, *Fiqh Watan* berperanan dalam mengharmonikan adat resam Melayu seperti adat kematian, adat kelahiran, dan amalan gotong-royong agar ia terus lestari dalam kerangka Syariat Islam.

Kearifan Tempatan dalam Tradisi Melayu-Islam

Kearifan tempatan ditakrifkan sebagai himpunan pengetahuan, nilai, kepercayaan dan amalan yang diwarisi oleh sesuatu komuniti dan terbukti mampu mengekalkan keseimbangan sosial serta kelestarian alam (Salleh & Ramli, 2020). Dalam konteks Islam, kearifan tempatan bukanlah unsur yang asing, kerana ia sejajar dengan prinsip Islam yang mengiktiraf adat sebagai sumber hukum selagi tidak bercanggah dengan syarak (*al-'adah muhakkamah*) (Ramli et al, 2024; Yasir, 2025). Adat Melayu merupakan sistem nilai yang berfungsi membentuk tatanan sosial dan etika masyarakat berasaskan kesepakatan kolektif. Tradisi ilmu dan budaya di Alam Melayu sebenarnya berpaksikan nilai Islam sejak kedatangan dakwah awal Islam di rantau ini (Fauzi & Wahyuni, 2025). Para ulama tempatan seperti Tok Kenali dan Sheikh Abdul Samad al-Falimbani telah mengasimilasikan budaya tempatan dalam karya mereka tanpa menjejaskan keaslian ajaran Islam. Hal ini membuktikan bahawa Islam di Alam Melayu berkembang secara harmoni melalui pendekatan pengislaman budaya setempat (Thimm, 2025; Amir & Rahman, 2025). Dalam konteks masyarakat Pahang, kearifan tempatan seperti amalan *gotong-royong*, *pantang-larang alam*, *berendoi*, dan *kenduri arwah* mengandungi nilai moral dan spiritual yang seiring dengan ajaran Islam. Nilai seperti *ukhuwah*, *syukur*, *tawakal*, dan *ihsan* terserlah dalam setiap adat tersebut. Walaupun sesetengah amalan perlu disemak semula agar tidak terjerumus ke arah khurafat, banyak kearifan ini sebenarnya memperkukuh nilai Islam melalui simbol dan perlakuan yang berakar dalam budaya masyarakat.

Identiti Keislaman Masyarakat Melayu Pahang

Identiti keislaman merujuk kepada kesedaran dan penghayatan individu serta komuniti terhadap nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Identiti Islam masyarakat Melayu terbina melalui sintesis antara agama, budaya dan bahasa yang membentuk worldview Islam Melayu (Rahim & Kamil, 2025). Di Pahang, Islam telah berakar sejak abad ke-15 melalui pengaruh Kesultanan

Melayu Melaka iaitu pengenalan Hukum Kanun Pahang dan penyebaran ajaran tasawuf oleh para ulama tempatan. Unsur adat seperti *adat beradat bersendi hukum* menjadi bukti bahawa masyarakat Melayu Pahang menjadikan Islam sebagai teras dalam pembentukan peraturan sosial (Nurchahaya, 2025). Pahang mengekalkan banyak bentuk amalan budaya Islamik seperti bacaan *ratib*, *tahlil arwah*, dan *kenduri doa selamat* yang dijalankan secara kolektif di surau atau rumah. Tradisi ini bukan sahaja mencerminkan nilai spiritual, tetapi juga meneguhkan hubungan sosial dan solidariti komuniti kampung. Walaupun ada pandangan moden yang menganggap adat sebegini sebagai bidaah, pendekatan *Fiqh Watan* melihatnya sebagai wadah dakwah yang lembut, kerana ia mendekatkan masyarakat dengan ibadah melalui bahasa budaya yang mereka fahami.

Hubungan antara Fiqh Watan, Kearifan Tempatan dan Identiti Keislaman

Hubungan antara *Fiqh Watan* dan kearifan tempatan bukan bersifat konfrontatif atau kontradiktif tetapi saling melengkapi. Islam tidak datang untuk menolak adat resam, sebaliknya memperbetulkan dan mengarahkannya kepada nilai yang selaras dengan syariat. Pendekatan ini dapat difahami melalui pengekalan adat yang baik dan menggantikan adat yang bercanggah dengan syarak (Samsudin, 2010). Melalui proses ini, *Fiqh Watan* berfungsi sebagai jambatan antara warisan adat resam dan ajaran agama. Dalam masyarakat Melayu Pahang, hubungan ini melahirkan bentuk keislaman yang sederhana, beradab dan bersifat *rahmah*. Ia menolak ekstremisme, menolak pandangan sempit terhadap adat dan pada masa sama menegaskan bahawa Islam boleh dihayati melalui konteks tempatan yang unik. Maka, *Fiqh Watan* menjadi mekanisme penting dalam melestarikan adat resam dalam masyarakat Islam dalam koridor syariat. Kearifan tempatan pula merupakan elemen kebijaksanaan masyarakat Melayu yang ditelusuri dalam adat resam tempatan. Apabila kedua-duanya digabungkan, ia membentuk identiti keislaman yang menyeluruh Islam yang bersifat universal tetapi tidak terputus daripada tanah airnya. Dalam konteks Pahang, pendekatan ini amat relevan untuk mengekalkan keunikan budaya Islam Melayu serta memastikan adat dan tradisi terus hidup dalam batas syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif yang berteraskan analisis konseptual dan dokumentasi bagi memahami hubungan antara *Fiqh Watan* dan identiti keislaman masyarakat Melayu Pahang berasaskan kearifan tempatan. Pendekatan ini dipilih kerana matlamat utama kajian bukan untuk mengukur fenomena secara kuantitatif, tetapi untuk menelusuri makna dan nilai yang tersirat dalam amalan budaya masyarakat Melayu. Kaedah kualitatif membolehkan penyelidik menyelami dimensi rohani, sosial dan budaya yang mendasari cara masyarakat Melayu Pahang menyesuaikan adat mereka dengan kehendak syariat Islam. Pendekatan ini selaras dengan pandangan Creswell dan Gutterman (2021) yang menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif menumpukan kepada kefahaman mendalam terhadap sesuatu fenomena sosial melalui interpretasi, konteks dan pengalaman manusia. Kajian ini berfokus kepada negeri Pahang Darul Makmur yang menjadi lokasi sesuai untuk meneroka amalan kearifan tempatan masyarakat Melayu Islam. Daerah-daerah seperti Pekan, Temerloh dan Kuala Lipis menjadi kawasan tumpuan kerana komuniti di kawasan ini masih berpegang kuat kepada nilai-nilai warisan yang mengandungi unsur keislaman yang mendalam. Selain itu, negeri Pahang turut mempunyai institusi agama dan tokoh adat yang berperanan besar dalam memastikan kelangsungan adat yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Negeri ini dipilih kerana ia masih mengekalkan pelbagai bentuk adat tradisional yang berakar dalam kehidupan harian masyarakat kampung, termasuk adat kelahiran, perkahwinan,

kematian, serta amalan sosial seperti gotong-royong dan kenduri doa selamat. Sumber data sekunder pula diperoleh melalui analisis teks dan dokumen, termasuk teks Melayu lama, artikel jurnal, serta penulisan akademik yang berkaitan dengan kearifan tempatan dan budaya Islam Melayu.

Data bagi kajian ini diperoleh melalui dua sumber utama, iaitu data primer dan data sekunder. Sumber data primer dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur dengan beberapa informan utama yang terdiri daripada tokoh agama, ketua kampung, dan pengamal adat tempatan. Senarai informan adalah seperti di bawah:

Jadual 1: Maklumat Informan Temu Bual

BIL	MAKLUMAT INFORMAN	TAJUK	TARIKH & TEMPAT
1	Informan 1 (Pengamal adat)	Kearifan tempatan dalam budaya Pahang	12/8/2025 & Kuala Lipis (melalui panggilan telefon)
2	Informan 2 (Imam)	Kearifan tempatan dalam budaya Pahang	12/8/2025 & Temerloh (melalui panggilan telefon)
3	Informan 3 (Tok 4)	Kearifan tempatan dalam budaya Pahang	12/8/2025 & Kuantan (melalui panggilan telefon)
4	Informan 4 (Imam)	Kearifan tempatan dalam budaya Pahang	13/8/2025 & Kuantan (melalui panggilan telefon)
5	Informan 5 (Imam)	Kearifan tempatan dalam budaya Pahang	13/8/2025 & Bera (melalui panggilan telefon)
6	Informan 6 (Pengamal adat)	Kearifan tempatan dalam budaya Pahang	12/8/2025 & Pekan (melalui panggilan telefon)

Temu bual ini bertujuan mendapatkan pandangan dan kefahaman mereka terhadap hubungan antara adat resam dan syariat serta bagaimana amalan tempatan dipelihara atau diubah suai agar selaras dengan tuntutan Islam. Sumber data sekunder pula diperoleh melalui analisis teks dan dokumen, termasuk artikel jurnal, serta penulisan akademik yang berkaitan dengan kearifan tempatan dan budaya Islam Melayu. Melalui gabungan sumber primer dan sekunder ini, kajian dapat membina kefahaman holistik terhadap cara masyarakat Melayu Pahang mengamalkan adat resam.

Analisis data dilakukan secara tematik dengan mengenal pasti pola dan tema utama yang timbul daripada data temu bual dan teks. Proses analisis ini dijalankan dalam tiga peringkat: pertama, penyusunan dan pengkodan data mengikut kategori seperti adat kelahiran, perkahwinan, kematian, perayaan dan muafakat sosial; kedua, penentuan tema berdasarkan prinsip fiqh seperti *al-'adah muhakkamah*, *masalah mursalah*, dan *maqasid al-shariah*; dan ketiga, pentafsiran data dengan menilai sejauh mana nilai Islam terserlah dalam amalan kearifan tempatan tersebut. Analisis ini menekankan pemahaman induktif, iaitu membina teori dan kefahaman daripada pemerhatian empirikal dan data yang dikumpulkan secara sistematik. Pemilihan pendekatan kualitatif ini juga disokong oleh Denzin (2023) yang menegaskan bahawa kaedah kualitatif sesuai digunakan dalam kajian budaya dan agama kerana ia memberi ruang kepada penyelidik menelusuri makna simbolik yang tersirat dalam tindakan sosial manusia. Dalam konteks ini, metodologi kajian bukan sahaja berfungsi untuk mengumpul maklumat, tetapi juga menjadi proses memahami bagaimana Islam dihayati melalui adat,

simbol dan bahasa budaya. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat mengenal pasti bentuk-bentuk penyesuaian syariah dalam adat Melayu Pahang, serta memahami bagaimana masyarakat mengekalkan keseimbangan antara nilai tradisi dan tuntutan agama.

DAPATAN KAJIAN

Kearifan Tempatan Dalam Adat Resam Negeri Pahang Darul Makmur

Kearifan tempatan dalam adat resam masyarakat Pahang merupakan warisan nilai dan ilmu yang terbentuk hasil pengalaman panjang sesuatu masyarakat dalam mengurus kehidupan (Salleh & Ramli, 2020). Ia tidak sekadar diwarisi sebagai adat semata-mata, tetapi menjadi sistem nilai yang menstrukturkan cara berfikir, berperilaku, dan berinteraksi sesama manusia serta terhadap Pencipta (Roslan et al, 2025). Negeri Pahang Darul Makmur yang terkenal dengan kekayaan alam, tradisi dan adat resam Melayu-Islam menjadi medan terbaik untuk memahami bagaimana kearifan lokal berfungsi sebagai manifestasi Islam yang berakar di bumi tempatan. Dalam konteks ini, pendekatan *Fiqh Watan* berperanan besar sebagai kerangka epistemologi yang menyaring, menilai dan mengharmonikan adat serta budaya masyarakat dengan prinsip syariah. Ia tidak bersifat menolak adat, tetapi menerima dengan hikmah Islam agar terhasil suatu bentuk pengamalan agama yang mesra, beradab dan kontekstual.

Kearifan Tempatan dalam Bahasa dan Sastra Lisan

Bahasa dan sastra lisan merupakan nadi budaya yang menzahirkan jati diri dan nilai masyarakat. Di Pahang, bahasa tempatan seperti penggunaan kata “awok”, “demo”, dan “koi” melambangkan kelembutan, keakraban serta hierarki sosial yang halus. Penggunaan dialek ini bukan sahaja menunjukkan kekayaan linguistik, tetapi juga cerminan kearifan dalam menjaga perasaan dan kehormatan orang lain, sesuai dengan tuntutan *qaulan layyina* dan *qaulan ma' rufa* dalam al-Quran. Sastra lisan seperti pantun, peribahasa dan cerita rakyat pula memainkan peranan yang penting (Informan 1 & 2, 2025). Cerita rakyat seperti Puteri Walinong Sari pula mengangkat tokoh wanita Pahang yang berani dan bijaksana, terkenal dengan kecantikan dan kemahiran silatnya mencerminkan nilai maruah dan integriti yang diiktiraf syarak (Silahudin, 2021; Menon, 2023). Demikian juga kisah Mat Kilau dan Tok Gajah menggambarkan jihad tempatan yang berakar pada cinta watan dan pertahanan maruah umat. Semua ini menjadikan bahasa dan sastra lisan bukan sekadar seni, tetapi wahana tarbiah dan dakwah yang menanam nilai Islam ke dalam jiwa masyarakat secara lembut dan berkesan (Informan 2 & 4, 2025).

Kearifan Tempatan dalam Adat Kelahiran

Adat kelahiran menjadi antara manifestasi awal kearifan tempatan masyarakat Pahang dalam menyambut kehidupan baharu. Setiap amalan dilakukan dengan tertib dan disulami nilai Islam. Bayi yang baru lahir akan diazankan oleh bapa atau tok imam sebagai tanda pengisytiharan kalimah tauhid ke dalam pendengaran pertama seorang insan, sejajar dengan sunnah Nabi SAW dan prinsip penjagaan agama (Informan 3 & 6, 2025). Amalan menanam uri pula dilakukan dengan penuh adab dan kebersihan. Uri dibersihkan, dibalut dengan kain putih dan ditanam di kawasan selamat berhampiran rumah tanpa sebarang upacara pemujaan. Tindakan ini mencerminkan tanggungjawab terhadap ciptaan Allah. Pada hari ketujuh, masyarakat akan mengadakan upacara bercukur rambut bayi dan majlis doa selamat. Rambut yang digunting ditimbang dan diganti dengan nilai sedekah kepada fakir miskin, satu amalan yang mencerminkan kefahaman tinggi tentang konsep sedekah (Informan 1, 2025; Salleh et al, 2024). Selain itu, adat berpantang bagi ibu selepas bersalin diamalkan sebagai bentuk penjagaan kesihatan jasmani dan emosi yang jika ditafsir melalui maqasid syariah, menepati tujuan

penjagaan nyawa dan penjagaan maruah (Roslan, 2025). Keseluruhannya, adat kelahiran dalam masyarakat Pahang merupakan sistem nilai yang menghubungkan kehidupan baharu dengan kesyukuran, kebersihan dan ibadah (Informan 2 & 6, 2025).

Kearifan Tempatan dalam Adat Perkahwinan

Perkahwinan dalam masyarakat Pahang bukan sahaja peristiwa sosial tetapi juga lambang penyatuan spiritual antara dua insan di bawah payung syarak dan adat. Proses adatnya melalui beberapa peringkat: merisik, meminang, bertunang, berinai, akad nikah, bersanding dan bertandang (Abd Wakil et al., 2021). Setiap fasa mengandungi makna simbolik yang mendidik masyarakat agar menghargai kesopanan, kerjasama dan maruah keluarga. Upacara berinai dilakukan dengan tertib bagi menzahirkan kesucian diri pengantin sebelum akad nikah (Abd Wakil et al., 2017). Paluan kompong, selawat dan bacaan doa menandakan kesyukuran dan keberkatan majlis. Amalan menyambut pengantin dengan hamparan daun sirih pula melambangkan penghormatan, kesucian dan keberkatan dalam menerima ahli baharu ke dalam keluarga (Informan 1 & 6, 2025; Harun, 2024). Dari perspektif *Fiqh Watan*, semua amalan ini tergolong dalam '*urf sahih* selagi tidak bercampur dengan unsur khurafat atau pembaziran. Ia menzahirkan kearifan dalam bentuk tolong-menolong, persaudaraan dan silaturrahim dan hubungan baik sesama manusia. Kenduri kahwin yang dilaksanakan secara gotong-royong menjadi wahana perpaduan masyarakat kampung, membuktikan bahawa adat Melayu Pahang ialah Islam yang dipraktikkan dalam bentuk yang bantu membantu dan beradab (Informan 5 & 6, 2025).

Kearifan Tempatan dalam Adat Sambutan Hari Perayaan

Sambutan hari perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha di Pahang mencerminkan kearifan masyarakat dalam menggabungkan tuntutan agama dengan nilai sosial. Hari raya bukan sekadar perayaan jasmani, tetapi momentum spiritual untuk memperkukuh hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Amalan bermaaf-maafan, ziarah kubur, dan menziarahi jiran serta saudara mara menunjukkan kekuatan amalan silaturrahim dalam bentuk yang menyeluruh (Informan 3, 5 & 6, 2025; Che Wan Hasnuddin, 2021). Sebelum solat sunat Aidilfitri, masyarakat akan beramai-ramai bertakbir di masjid atau surau kampung, melahirkan semangat kebersamaan dan kesatuan hati. Dalam konteks Aidiladha pula, masyarakat kampung Pahang terkenal dengan amalan bergotong-royong melaksanakan ibadah korban (Informan 1, 5 & 6, 2025). Daging korban diagihkan secara adil tanpa mengira status ekonomi, mencerminkan semangat keadilan sosial yang tinggi. Selain itu, amalan menziarahi sahabat dan jiran selepas raya dengan membawa juadah tradisional seperti lemang, ketupat dan rendang menjadi lambang kasih sayang yang lahir daripada budaya Islamik (Informan 1, 3 & 6, 2025). Dalam *fiqh watan*, sambutan seperti ini memperlihatkan semangat memelihara perpaduan dan keharmonian ummah melalui cara yang berbudaya dan bersyariat (Karimon et al., 2022).

Kearifan Tempatan dalam Adat Sambutan Hari Kebesaran Islam

Selain hari perayaan utama, masyarakat Pahang turut menzahirkan kearifan dalam menyambut hari-hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Nuzul al-Quran, Maal Hijrah dan Awal Ramadan. Sambutan ini tidak dilakukan semata-mata atas dasar budaya tetapi sebagai wadah dakwah dan pendidikan masyarakat terhadap nilai sejarah Islam (Informan 3 & 5, 2025). Misalnya, sambutan Maulidur Rasul biasanya diadakan dengan perarakan, bacaan selawat, ceramah sirah Nabi SAW, dan majlis marhaban di surau atau balai raya. Amalan ini memperkukuh cinta umat kepada Rasulullah SAW dan menghidupkan sunnah dalam bentuk yang berbudaya (Informan 4, 5 & 6, 2025). Dari kerangka *Fiqh Watan*, amalan ini tergolong

dalam *bid'ah hasanah* yang dibenarkan, kerana ia berteraskan cinta Nabi SAW dan tidak melibatkan sebarang khurafat. Bagi sambutan Israk Mikraj dan Nuzul al-Quran, masyarakat kampung sering mengadakan ceramah agama, tadarus beramai-ramai dan majlis doa selamat. Aktiviti ini membina kesedaran terhadap mukjizat wahyu dan kepentingan solat dalam kehidupan. Manakala Maal Hijrah disambut dengan perhimpunan ilmu dan anugerah tokoh agama menunjukkan kepentingan memperingati sejarah untuk memperbaharui tekad umat. Sepanjang bulan Ramadan, masyarakat Pahang juga menonjolkan keindahan tolong menolong dan saling membantu secara kolektif melalui amalan berbuka puasa berjemaah, moreh selepas tarawih serta tadarus dan *qiamullail* di surau kampung (Informan 2 & 3, 2025). Semua sambutan ini memperlihatkan pendekatan Islam yang lembut dan penuh hikmah di mana dakwah dan tarbiah disampaikan dalam bentuk yang bersifat kesantunan sosial, dan menyentuh hati masyarakat.

Kearifan Tempatan dalam Adat Kematian

Adat kematian dalam masyarakat Pahang mempamerkan gabungan nilai simpati, gotong-royong dan kesedaran akhirat. Apabila berlaku kematian, jiran tetangga segera hadir membantu mengurus jenazah, menyiapkan makanan kepada keluarga si mati dan mengiringi jenazah ke tanah perkuburan. Proses memandikan, mengkafankan dan menyolatkan jenazah dijalankan mengikut syarak dengan bimbingan imam atau bilal. Selepas pengebumian, masyarakat akan berkumpul untuk bacaan tahlil dan doa arwah biasanya diadakan pada malam pertama, ketiga, ketujuh dan ke-40 (Informan 3 & 6, 2025). Walaupun ada perbezaan pandangan, namun tujuan utamanya ialah mendoakan kesejahteraan roh si mati, sokongan psikologi bagi keluarga si mati dan memperkukuh ukhuwah antara ahli kariah. Amalan ini dikategorikan sebagai *harus* dan bahkan digalakkan jika bertujuan menzahirkan doa dan sedekah pahala bukan kerana kepercayaan tertentu terhadap roh (Informan 1 & 2, 2025). Adat memberi lauk-pauk kepada keluarga si mati atau membawa juadah ke rumah mereka merupakan manifestasi menolong bagi meringankan beban orang yang berduka. Adat seperti ini memperkukuh institusi sosial Islam di peringkat komuniti (Informan 3 & 6, 2025). Ia bukan amalan kosong dan sesia, tetapi ibadah yang diterjemahkan melalui budaya kasih sayang.

Kearifan Tempatan dalam Seni Silat

Seni silat di Pahang bukan hanya dilihat sebagai bentuk pertahanan diri tetapi juga wadah pendidikan jasmani, rohani dan akhlak. Ia mengajar disiplin, kesetiaan kepada guru, kawalan emosi serta keikhlasan dalam setiap gerak. Silat Tongkat dan Silat Sangkar Rewana umpamanya, diajar dalam bentuk majlis zikir dan doa sebelum latihan, membentuk kesedaran bahawa silat adalah sebahagian daripada ibadah. Prinsip ini mencerminkan *tazkiyat al-nafs* (penyucian jiwa) yang sangat ditekankan dalam tasawuf Islam. Gerakan silat sering berasaskan falsafah alam seperti air, angin dan kilat yang mengajar hikmah dalam bertindak. Ini selaras dengan prinsip kebijaksanaan dalam membuat keputusan dan tindakan (Informan 3 & 4, 2025). Di peringkat sosial, silat berfungsi sebagai medium perpaduan, warisan dakwah, dan simbol maruah bangsa. Melalui kerangka *Fiqh Watan*, silat termasuk dalam kategori '*urf sahih*' yang mendukung penjagaan kesihatan diri dan maruah. Maka, silat wajar dilihat bukan sekadar warisan budaya, tetapi madrasah pembinaan peribadi Muslim yang seimbang antara kekuatan jasmani dan kesedaran rohani (Informan 2 & 6, 2025).

Kearifan tempatan dalam seni gendang silat Pahang terserlah melalui fungsi muzik tradisional sebagai medium penyatuan komuniti, pembinaan identiti serta pemaknaan spiritual dalam amalan persilatan Melayu. Irama gendang yang terdiri daripada pola ritma tertentu seperti *rentak pecah*, *rentak masuk gelanggang*, dan *rentak kijang emas* bukan sekadar mengiringi

pergerakan pesilat tetapi menjadi penanda simbolik kepada disiplin, adab dan hierarki dalam gelanggang. Setiap lagu gendang yang dimainkan memanifestasikan warisan turun-temurun yang diperturunkan secara lisan oleh tukang gendang mahir, sekali gus mencerminkan sistem pedagogi tradisional berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dalam masyarakat Melayu Pahang. Kearifan ini juga memperlihatkan hubungan rapat antara aspek seni, keagamaan dan adat di mana permulaan persembahan lazimnya disertai doa, niat dan etika tertentu yang menandakan bahawa seni gendang silat tidak dipisahkan daripada nilai rohani dan kesantunan budaya. Justeru, seni gendang silat Pahang bukan sahaja berperanan sebagai hiburan atau iringan seni mempertahankan diri tetapi turut menjadi wahana penyampaian nilai, simbol dan makna yang membentuk jati diri masyarakat tempatan.

Kearifan Tempatan dalam Perubatan Tradisional dan Pemuliharaan Alam

Amalan perubatan tradisional di Pahang mempamerkan hubungan erat antara manusia dan alam. Masyarakat pedalaman seperti di Jerantut dan Ulu Tembeling mengamalkan penggunaan herba seperti tongkat ali, kacip fatimah dan daun semambu dengan penuh tertib dan adab. Mereka tidak mengambil tumbuhan sesuka hati, sebaliknya meminta izin secara simbolik daripada alam sebagai tanda hormat terhadap ciptaan Allah. Prinsip ini menunjukkan kesedaran ekoteologi Islam bahawa alam bukan objek eksploitasi, tetapi amanah Tuhan untuk dipelihara. Kepercayaan terhadap kawasan tertentu sebagai ‘hutan larangan’ atau ‘tanah keramat’ pula mencerminkan disiplin sosial terhadap pemuliharaan alam. Namun, dari sudut fiqh watan, penghormatan ini perlu difahami sebagai bentuk etika dan bukan kepercayaan ghaib yang membawa kepada khurafat. Islam mengiktiraf nilai pelestarian melalui prinsip *sad al-zari‘ah* dan *hifz al-bi‘ah* — iaitu menjaga keseimbangan alam bagi mengelakkan kemudaratan. Maka, kearifan masyarakat ini membentuk satu pendekatan harmoni antara iman dan ekologi yang wajar dipelihara dalam konteks pembangunan lestari hari ini.

Kearifan Tempatan dalam Makanan dan Pemakanan

Budaya makanan masyarakat Pahang mempamerkan identiti dan nilai Islam yang mendalam. Makanan tradisional seperti gulai tempoyak ikan patin, sambal hitam belimbing buluh, dan kerutup daging bukan sekadar juadah, tetapi lambang keakraban dan kearifan wanita Melayu dalam memelihara tradisi. Penyediaannya yang diwarisi secara lisan menunjukkan sistem pemindahan ilmu yang berasaskan pengalaman dan kasih sayang. Dari perspektif fiqh, amalan ini menepati prinsip *halalan tayyiban* kerana mengutamakan kesucian bahan, kebersihan dan keseimbangan zat. Masyarakat juga menekankan etika makan seperti membaca doa, tidak membazir, dan berkongsi makanan dengan jiran. Ini selari dengan maqasid *hifz al-nafs* dan nilai *ikram al-dhuyuf* (memuliakan tetamu). Maka, budaya makanan di Pahang bukan sekadar memenuhi keperluan jasmani, tetapi membentuk disiplin spiritual yang menanam kesyukuran dan kasih sesama manusia.

Kearifan Tempatan dalam Hasil Seni

Seni tenun Pahang, khususnya Tenunan Sutera Pahang atau Tenun Pahang Diraja, merupakan warisan budaya yang memperlihatkan kearifan tempatan masyarakat Melayu Pahang dalam mengolah kreativiti, ketelitian, dan nilai estetika turun-temurun. Warisan ini berkembang sejak zaman kedatangan Tok Tuan Keraing Aji dari Mengkasar yang membawa kepakaran tenunan halus ke Pahang, sebelum menjadi kesukaan kerabat diraja dan bangsawan negeri. Kehalusan tekstil, ketelitian corak, serta pemilihan warna lembut yang harmoni menggambarkan kepekaan orang Melayu Pahang terhadap alam dan simbol budaya sekitarnya (Alias et al., 2024). Seni ini

juga berperanan sebagai lambang identiti negeri, memperlihatkan kesinambungan ilmu tenun yang diwarisi lebih 11–12 generasi, termasuk usaha gigih beberapa tokoh seperti Puan Natipah dalam mengekalkan teknik tradisional, peralatan asal serta motif klasik yang mempunyai falsafah tersendiri (Informan 3 & 5, 2025).

Selain keindahan bentuknya, seni tenun Pahang mencerminkan falsafah hidup masyarakat tempatan yang menekankan kesabaran, disiplin, dan kesempurnaan kerja tangan. Proses penghasilannya yang panjang melibatkan sembilan tahap seperti melikas, menganing, menyongket dan menenun yang memerlukan kemahiran tinggi serta ketelitian luar biasa, menunjukkan bahawa masyarakat terdahulu memiliki sistem latihan seni yang tersusun dan berasaskan pengalaman kolektif (Yaacob et al., 2023). Motif seperti Belah Buluh, Tubok Sekampung, Pahang Jalur 7 dan corak bangsawan seperti Dato' Mahmud atau Tengku Ampuan bukan sekadar hiasan tetapi membawa makna sosial, status, dan simbol tradisi Melayu yang halus (Ismail & Abdullah, 2012). Kearifan tempatan ini turut terserlah melalui adaptasi masyarakat terhadap perubahan zaman yang menambah elemen moden tanpa mengorbankan nilai asli serta usaha institusi negeri menubuhkan pusat kemahiran tenun sebagai usaha memelihara warisan yang telah diiktiraf oleh UNESCO. Seni tenun Pahang, secara keseluruhannya, bukan sahaja manifestasi estetika tetapi juga naratif sejarah, identiti dan kebijaksanaan budaya masyarakat Melayu Pahang (Informan 2 & 3, 2025).

Kearifan tempatan dalam seni Pahang terserlah melalui hubungan rapat antara masyarakat dengan alam sekitar serta warisan budaya setempat. Seni bina, ukiran, tenunan, batik dan anyaman Pahang terbentuk daripada pengalaman hidup masyarakat agraria yang bergantung kepada sumber semula jadi seperti kayu, daun, buluh dan rotan. Penggunaan bahan-bahan tempatan bukan hanya mencerminkan pengetahuan mendalam terhadap persekitaran, tetapi juga keupayaan menzahirkan nilai estetika tinggi daripada unsur alam yang sederhana (Yaacob et al., 2023). Motif-motif flora dan geometri yang digunakan dalam seni ukiran, tekstil dan batik menggambarkan adaptasi kreatif masyarakat Pahang terhadap ajaran Islam, khususnya larangan menggambarkan makhluk bernyawa. Proses adaptasi ini menunjukkan kedalaman kearifan masyarakat dalam memelihara adat sambil mematuhi prinsip syariah (Informan 5 & 6, 2025).

Selain itu, kearifan tempatan terserlah dalam cara masyarakat Pahang menyesuaikan seni dengan jati diri Melayu Islam. Seni warisan seperti anyaman, ukiran dan tenunan bukan semata-mata produk budaya, tetapi cerminan worldview masyarakat yang berteraskan Islam, nilai kesederhanaan, keindahan dan fungsi. Misalnya, seni bina rumah tradisional Pahang yang dibina berhampiran sungai dan kawasan tanah subur mencerminkan kebijaksanaan tempatan dalam menyesuaikan seni dengan geografi. Dalam seni tekstil pula, kehadiran motif tumbuhan, dedaunan dan simbol alam menunjukkan proses asimilasi yang telah berlaku berabad lamanya sehingga menghasilkan gaya visual tersendiri yang membezakan seni Pahang daripada wilayah lain di Alam Melayu. Keseluruhannya, seni Pahang ialah manifestasi harmoni antara agama, adat resam dan alam iaitu suatu bentuk kearifan tempatan yang membentuk identiti masyarakat Pahang hingga hari ini (Yaacob et al., 2023).

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa masyarakat Melayu Pahang mempunyai sistem nilai dan adat resam yang sarat dengan makna keislaman meskipun berakar daripada tradisi tempatan. Melalui analisis temu bual dan kajian dokumentasi dapat dirumuskan bahawa kearifan tempatan di

Pahang bukan sahaja berfungsi sebagai warisan budaya, tetapi juga sebagai wahana penghayatan nilai-nilai Islam yang berteraskan kerangka *Fiqh Watan*. Dapatan ini dibahagikan kepada tiga tema utama, iaitu: (1) penyesuaian adat dan syariat dalam kehidupan harian, (2) kearifan tempatan sebagai instrumen pendidikan rohani dan sosial, serta (3) *Fiqh Watan* sebagai mekanisme pembentukan identiti keislaman masyarakat Melayu Pahang.

Penyesuaian Adat dan Syariat dalam Kehidupan Harian

Antara dapatan paling ketara ialah keupayaan masyarakat Melayu Pahang menyesuaikan adat resam tradisional dengan nilai dan hukum Islam. Dalam adat kelahiran misalnya, amalan seperti *menjejak tanah* dan *berendoi* dianggap simbolik kepada penerimaan anak ke dalam masyarakat dan kesyukuran atas anugerah kehidupan. Walaupun adat ini bersumber daripada warisan nenek moyang, ia diiringi dengan bacaan doa selamat, selawat, dan zikir, menunjukkan proses pengislaman yang halus dan berlapis. Amalan ini seiring dengan prinsip *Fiqh Watan* yang mengiktiraf adat selagi tidak bercanggah dengan syarak, berasaskan kaedah *al-'adah muhakkamah* adat diterima sebagai hukum selama mana ia membawa kebaikan (*maslahah*) dan tidak menyalahi prinsip tauhid (al-Qarafi, 1994). Begitu juga dalam adat kematian, masyarakat Melayu Pahang masih mengekalkan amalan *tahlil arwah* dan *kenduri doa selamat*. Walaupun sesetengah golongan melihatnya sebagai amalan bidaah, masyarakat setempat memahami amalan ini sebagai bentuk sedekah dan peringatan kepada kematian.

Majlis tersebut menjadi ruang sosial yang mengikat silaturrahim dan menanamkan nilai ukhuwah Islamiah. Prinsip *maslahah mursalah* diaplikasikan di sini, iaitu mempertimbangkan manfaat sosial dan spiritual yang terhasil daripada adat tersebut. Umpamanya, di daerah Temerloh, kenduri arwah yang diadakan selepas kematian bukan sahaja menjadi medan doa, tetapi juga manifestasi solidariti masyarakat kampung yang saling membantu keluarga si mati. Kearifan ini selari dengan tuntutan syariat. Dalam konteks perkahwinan pula, adat *berinai kecil*, *akad nikah di rumah*, dan *berarak kompong* menunjukkan bagaimana nilai budaya dapat diamalkan bersama dengan syariat Islam. Walaupun adat ini bersifat simbolik, ia menzahirkan semangat kegembiraan dan penghormatan terhadap institusi keluarga. Perkara ini membuktikan bahawa adat boleh menjadi alat memperindah ibadah apabila diuruskan dengan adab dan pemahaman hukum yang benar. Dalam kerangka *Fiqh Watan*, adat yang sah diterima dengan baik kerana ia dapat melahirkan kearifan yang positif.

Kearifan Tempatan sebagai Instrumen Pendidikan Rohani dan Sosial

Kearifan tempatan masyarakat Pahang juga berfungsi sebagai wadah pendidikan tidak formal yang menyemai nilai Islam dalam jiwa masyarakat. Amalan *gotong-royong* misalnya, bukan sekadar kerja bersama tetapi menjadi latihan sosial berasaskan konsep *ta'awun* (tolong-menolong) dan *ukhuwah Islamiah*. Berdasarkan temu bual dengan seorang imam kampung di Pekan, kegiatan *rewang* ketika majlis kenduri atau kenduri arwah bukan sahaja mengeratkan hubungan sosial, tetapi juga melatih masyarakat mengamalkan keikhlasan, kesabaran dan disiplin nilai yang sangat ditekankan dalam ajaran Islam. Selain itu, amalan *pantang-larang alam* seperti larangan menebang pokok di tepi sungai atau menjerat ikan di musim bertelur, memperlihatkan kearifan ekologi masyarakat Melayu yang berasaskan prinsip keseimbangan (*mizan*) dan tanggungjawab terhadap alam. Prinsip ini sejajar dengan konsep *Fiqh al-Bi'ah* (fiqh alam sekitar) dalam Islam yang menuntut penjagaan terhadap ciptaan Allah sebagai amanah (*khalifah fi al-ard*). Ia juga mencerminkan nilai maqasid pemeliharaan alam yang semakin diketengahkan dalam wacana fiqh kontemporari. Dapatan ini membuktikan bahawa kearifan tempatan tidak harus dilihat sebagai sekadar adat turun-temurun, tetapi sebagai

manifestasi *nilai Islam yang terinstitusi dalam* adat resam. Setiap amalan yang membawa manfaat sosial dan spiritual adalah sebahagian daripada fiqh yang hidup dan fleksibel yang dipraktikkan dalam masyarakat.

Fiqh Watan sebagai Mekanisme Pembentukan Identiti Keislaman

Analisis terhadap adat dan amalan masyarakat Pahang menunjukkan bahawa *Fiqh Watan* memainkan peranan penting dalam membentuk identiti keislaman yang harmoni, berakar dalam adat resam dan berpaksikan syariat. Identiti ini tidak terbina semata-mata melalui penerapan hukum Islam tetapi melalui penghayatan nilai Islam dalam kehidupan seharian. Masyarakat Melayu Pahang memperlihatkan ciri keislaman yang sederhana, tidak ekstrem dalam menolak adat, dan tidak jumud dalam menerima perubahan. Ini dapat dilihat dalam sikap mereka yang menyesuaikan adat dengan tuntutan syarak melalui dialog sosial dan keagamaan bukan konfrontasi. Konsep *Fiqh Watan* di sini berfungsi sebagai *manhaj tafsir* adat resam, iaitu pendekatan memahami adat resam dengan panduan syariah dalam kehidupan bernegara dan bermasyarakat. Ia membantu masyarakat menilai adat melalui tiga kategori utama: adat yang selaras dengan syariat (diteruskan), adat yang bercanggah dengan syariat (dihapuskan), dan adat yang boleh dimurnikan (diislamisasikan). Melalui proses ini, terbentuklah satu corak identiti Islam yang unik di Pahang iaitu Islam yang berakar di *watan* setempat tetapi bersifat sejagat. Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Pahang menjadikan adat sebagai wadah untuk menzahirkan nilai agama dalam bentuk yang dekat dengan kehidupan mereka. Islam tidak dilihat sebagai sesuatu yang asing tetapi sebagai sistem hidup yang berpadu dengan adat resam tempatan. Hal ini menunjukkan kejayaan dakwah Islam tempatan yang bersifat hikmah dan beradaptasi dengan adat masyarakat, seiring dengan kaedah fiqh *adat diperakui sebagai nilai hukum*, tanpa menyalahi prinsip asas syariah.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan bahawa kearifan tempatan masyarakat Melayu Pahang mempunyai nilai Islam yang tinggi dan dapat dijadikan asas pembentukan *Fiqh Watan*. Adat resam tradisional yang masih diamalkan bukan sahaja melambangkan kesinambungan warisan tetapi juga menjadi medium untuk memperkukuh keislaman masyarakat melalui nilai syukur, tolong-menolong, kesederhanaan dan kasih sayang. Kerangka *Fiqh Watan* membolehkan adat ini terus hidup dengan penghayatan syariah, sekali gus membentuk identiti Islam Melayu yang harmoni antara agama dan adat resam. Kajian ini menzahirkan bahawa masyarakat Melayu Pahang telah lama mengamalkan bentuk Islam yang berpaksikan kearifan, berjiwa maqasid dan berasaskan *rahmah* satu model Islam tempatan yang wajar diangkat sebagai asas pembangunan *korpus fiqh watan* di Malaysia.

PENUTUP

Kajian ini menegaskan bahawa *Fiqh Watan* merupakan kerangka fiqh semasa yang amat signifikan dalam usaha menerapkan syariat berdasarkan konteks sosial, adat resam dan geografi masyarakat setempat. Dalam konteks masyarakat Melayu Pahang, *Fiqh Watan* berperanan sebagai mekanisme sosialisasi syariat dan harmonisasi antara syariat dan adat resam. Kearifan tempatan yang tersirat dalam adat resam masyarakat Pahang bukan sekadar warisan turun-temurun tetapi mengandungi hikmah dan nilai yang berpaksikan syariat serta mampu memperkukuh identiti keislaman masyarakat. Amalan budaya seperti menjejak tanah, berendoi, kenduri arwah, dan gotong-royong mempunyai dimensi keagamaan yang tinggi apabila dilaksanakan dalam kerangka syariat. Ia mencerminkan Islam yang hidup di tengah-tengah masyarakat bukan hanya di menara institusi agama. Pendekatan *Fiqh Watan* membolehkan

adat-adat ini diterapkan dengan neraca syarak yang seimbang dengan mengekalkan yang baik, memperbetulkan yang cacat, dan menolak yang bercanggah.

Selain itu, identiti keislaman masyarakat Melayu Pahang terbina melalui proses penyesuaian antara adat resam dengan agama secara beransur-ansur dan beradab. Islam di Pahang tidak berkembang melalui pemaksaan hukum, tetapi melalui proses pendidikan berhikmah yang menghormati akar tradisi tempatan. Pendekatan ini menjadikan Islam lebih mudah difahami dan diterima oleh masyarakat, kerana ia berbahasa dalam simbol dan adat yang dekat dengan kehidupan mereka. Inilah yang dimaksudkan dengan Islam yang membawa kasih sayang, bukan perpecahan; Islam yang membina, bukan meruntuhkan. Dari sudut akademik, kajian ini memberi sumbangan penting kepada pengayaan khazanah ilmu Fiqh Malaysia dengan memperkenalkan dimensi Fiqh Watan sebagai model penyelidikan fiqh yang kontekstual dan bersifat lokal. Ia membuka ruang kepada para ilmuwan Islam, ahli fiqh dan sarjana budaya untuk berkolaborasi dalam memahami hubungan agama dan adat secara lebih ilmiah serta bersifat dialogis. Kajian ini juga memperkukuh asas kepada pembangunan korpus Fiqh Watan iaitu himpunan panduan hukum dan prinsip syariah yang diolah berdasarkan konteks tempatan tanpa menjejaskan keaslian sumber Islam.

Dari sudut praktikal pula, dapatan kajian ini memberikan beberapa saranan utama. Pertama, institusi agama negeri seperti Jabatan Mufti Negeri Pahang dan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) wajar memperkukuh peranan mereka dalam mendokumentasikan adat dan amalan masyarakat Melayu Pahang yang bersifat positif. Dokumentasi ini boleh dijadikan asas rujukan dalam penggubalan fatwa, pendidikan agama dan modul dakwah tempatan. Kedua, universiti dan pusat penyelidikan Islam disaran memperkenalkan kursus atau modul *Fiqh Watan* dan Fiqh Budaya bagi melatih pelajar memahami Islam dari perspektif realiti tempatan. Pendekatan ini akan melahirkan sarjana yang lebih peka terhadap konteks budaya, sekali gus mengelakkan pendekatan hukum yang terlalu tekstual dan terpisah daripada realiti masyarakat.

Ketiga, masyarakat setempat juga disaran untuk terus memelihara kearifan tempatan yang membawa nilai kebaikan dan kemaslahatan. Pengamal adat, ketua kampung dan tokoh masyarakat perlu dilibatkan secara aktif dalam usaha memperbetulkan adat agar sejajar dengan prinsip Islam. Dengan itu, adat tidak lagi dilihat sebagai berlawanan dengan agama, tetapi sebagai wahana dakwah yang berkesan dalam mendekatkan masyarakat kepada nilai-nilai Islam. Keempat, para pendakwah dan agamawan perlu mengamalkan pendekatan dakwah yang berteraskan hikmah budaya bagi memahami dahulu akar tradisi sebelum menilai atau mengubahnya. Hal ini sejajar dengan sunnah Rasulullah SAW yang berdakwah dengan memahami realiti dan psikologi masyarakat Arab sebelum membawa perubahan hukum. Akhir sekali, kajian ini menyimpulkan bahawa *Fiqh Watan* bukan hanya suatu wacana keilmuan, tetapi satu jalan ke arah pembentukan Islam yang berpaksikan rahmah, berteraskan maqasid, dan berakar di bumi watan. Ia membuktikan bahawa Islam tidak asing dalam budaya Melayu, bahkan menjadi nadi yang menghidupkan adat. Dalam konteks Pahang, *Fiqh Watan* menjadi cermin kepada kesepaduan antara akal dan wahyu, antara budaya dan syariah, antara manusia dan Pencipta. Maka, usaha membangunkan Korpus Fiqh Watan Pahang perlu dijadikan agenda ilmiah dan dasar adat resam negeri agar warisan Islam Melayu yang harmoni dan berpaksikan syariat dapat terus disemai untuk generasi akan datang.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian bagi Geran Penyelidikan IIDM-MUIP Tahun 2025 (IIDM20/25) yang bertajuk “Fiqh al-‘Adah: Sosiologi Syariat Untuk Membina Kerukunan Rakyat Negeri Pahang.

RUJUKAN

- Abd Wakil, M. N., & Ahmad, C. M. (2017). Mas Kahwin Di Pahang: Satu Penilaian Semasa. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 2(2), 61-73.
- Abd Wakil, M. N., Jamal, I. H., Yahaya, M. H., & Md Ismail, M. A. (2021). Mas kahwin di Pahang: kiraan semula nilai semasa. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 7(1), 171-195.
- Alias, N. R., Abdullah, N., Mohd Faizal, N. Z., & Hashim, N. (2024). Kraf Tenunan Sutera Pahang: Pengalaman Adiguru Natipah @ Nortipah Binti Abdul Kadir. *Jurnal Kajian Lisan Malaysia (JKLM)*, 2(1), 41–52.
- Amir, A. N., & Rahman, T. A. (2025). The Influence of al-Ghazali's Theological Philosophy in the Malay Archipelago. *Journal of Islamic Heritage and Civilization*, 2(1), 33-57.
- Azman, Y., Ibrahim Majdi, M. K., Amran, M., & Rahimin Affandi, A. R. (2025). Fiqh al-Watan dan legitimasi Islam tempatan: Satu kerangka. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 13(3), 53–64.
- Che Wan Hasanuddin, C. W. N. A., Anuar, N. H., Mat Yatin, S. F., & Sumiarsih, E. (2021). Songkok gundal pelengkap pakaian kaum adam di negeri Pahang. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia (JSLIM)*, 5(3), 57-74.
- Denzin, N. K. (2023). *Handbook of qualitative research* (6th ed.). London: SAGE Publications.
- Fauzi, E., & Wahyuni, S. (2025). Perbandingan Posisi Hukum Adat Dalam Sistematika Hukum Indonesia Dan Malaysia. *Jurnal Kajian Hukum Dan Pendidikan Kewarganegaraan*, 1(4), 404-412.
- Harun, M. R., Salleh, H. M., & Mokhtar, A. E. (2024). Sorotan Kajian Terhadap Kadar Mas Kahwin di Negeri Pahang Darul Makmur. *Ulum Islamiyyah*, 36(02), 198-211.
- Huda, M., & Maghfurrohman, M. (2025). Study of nusantara Islamic manhaj. *al-Afkar, Journal For Islamic Studies*, 8(2), 377-389.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah.(2002). *I lām al-muwaqqi 'in 'an rabb al- 'ālamīn* (Hasan Ali Salman, Ed.), Dar Ibn Jawzi.
- Ismail, M., & Abdullah, F. (2012). *Tenun Pahang Diraja. Voice of Academia*, 7(1), 88–107.
- Kamil, I. M. M., Yusof, A., Muhammad, A., & Rahim, R. A. A. (2025). Perkembangan Teori Fiqh Al-Watan Di Negeri Pahang: Satu Pemerhatian Epistemologikal. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, 3(3). 171-186.
- Karimon, N.A., Jarit, M., Dasuki, S., Radzi, S.F. & Adnan, N. (2022). Nilai budaya Melayu dalam setem Pos Malaysia (setem perayaan Aidilfitri). *International Journal of Art & Design (IJAD)*, 6 (2, Special Issue), 12–28.
- Man, S., Abd Rahim, M. D. R. A., Ab Ghani, A., Ramli, R., Abdullah, L. H. & Ahmad, R.(2011). Transformasi Hukum Islam Kontemporari di Malaysia Melalui Gagasan Fiqh Malaysia. *ICON-IMAD: Prosiding Konferensi Internasional Islam di Dunia Melayu (Bandung: Institute for Study of Religion, Culture and Public Affair, 2011)*.
- Meerangani, K. A., Kaulan, S. M., Hamid, M. F. A., & Hashim, S. N. I. (2025). Estetika islam dan kearifan tempatan dalam busana tradisional Melayu: Kajian terhadap baju Melayu. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 8(1), 19-30.

- Menon, F. A., & Ab Aziz, A. A. (2023). *Of power, devotion and betrayal: A collection of Malaysian princesses' folklores*. In Conference e-proceedings of the International Conference of Research on Language Education 2023 (I-RoLE2023) (pp. 499–504). Zes Rokman Resources.
- Nurcahya, Y. (2025). Sejarah Islam di Johor Sampai Riau. *Sujud: Jurnal Agama, Sosial dan Budaya*, 1(2), 89-97.
- al-Qarāfī, Shihāb al-Dīn Aḥmad ibn Idrīs. (1998). *Anwār al-burūq fī anwā' al-furūq* (4 vols.). 'Ālam al-Kutub.
- Rahim, R. A. A., & Kamil, I. M. M. (2025). Konsep Muzium Dalam Perspektif Barat dan Isu Kearifan Tempatan Melayu-Islam: Satu Sorotan Awal. *MINDEN Journal of History and Archaeology*, 2(1), 179-194.
- Ramli., M.A, et al., (2024). The Quest for Third Gender Equality: Challenges and Implications for Islamic Law and Muslim Women's Sustainability in Malaysia. *AHKAM: Jurnal Ilmu Syariah*, 24(2), 295-310.
- Roslan, N. A., Salleh, M. Y. Y., & Abd Razak, M. I. (2025). Isu-isu syariah dalam penjagaan pantang wanita Melayu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 10(71), 186–200.
- Sah, N. F. M., Razali, N., Jaafar, N. A., & Abdullah, A. (2025). Heritage in rhythm: Tracing the identity of Adat Perpatih Through The Song “This Is Pilah”. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(05), 26-39.
- Salleh, M. Y. Y. & Ramli, M. A. (2020). Pentakrifan kearifan tempatan: Suatu sorotan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 175–190.
- Salleh, M. Y. Y., Hassan, P., Zainal Abidin, M. Z. H., Jelani, A. B., & Sedhu, D. S. (2024). Budaya Islam Jawa Dalam Novel Gadis Kretek Menurut Perspektif Fiqh Kemasyarakatan. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(6), 60–69.
- Samsudin, M. (2010). Pahang sekitar abad ke-19 menurut pandangan pegawai-pegawai British. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 37, 105–121.
- al-Shāṭibī, I. I. (1997). *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah* (tahqīq: 'Abd Allāh Darrāz). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Silahudin, S. (2021). *Kajian unsur budaya dalam Nazam Berendoi dan Dikir Rebana di Pahang*. *Mahawangsa*, 8(2), 1–15.
- Sulistiawati, L., Yahya, M. R., & Shoheh, M. (2025). Islam di Malaysia: Masuknya agama Islam di Malaysia dan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia. *Reflection: Islamic Education Journal*, 2(3), 59-71.
- Thimm, V. (2025). ‘Super-Power’ in the Grave: Meaning-Making of Muslim Saints’ Graves in Malaysia. *TRaNS: Trans-Regional and-National Studies of Southeast Asia*, 1-15.
- Yaacob, Z., Idris, K. B., & Affendi, F. R. (2023). *Tenun Pahang Diraja: Pride of the Malay heritage*. *ARTE: Art & Expression*, 26–31.
- Yasir, M. (2025). Kaidah Fikih yang Berkaitan dengan Adat Kebiasaan. *Jurnal Penelitian Ilmiah Multidisipliner*, 1(03), 949-959.